



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

PEMBERITAHUAN IKLAN JAWATAN KOSONG (IKLAN SEMULA)

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkecualan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Kota Tinggi.

1. JAWATAN

SKIM PERKHIDMATAN	: PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA
GRED	: JA5
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) - Kontrak Interim
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: Kejuruteraan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana

2. JADUAL GAJI

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	: RM1,650.00 - RM6,620.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00

3. TARAF PELANTIKAN

- (i) Calon bagi lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (Interim) selama tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuatkuasa ; dan
- (ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan akan dilantik secara tetap (sambung perkhidmatan).

4. SYARAT LANTIKAN

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia ;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
 - (c) (i) Sijil dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan ;
(Gaji Permulaan pada Gred JA5 : RM1,731.00) ; atau
 - (ii) Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan ;
(Gaji Permulaan pada Gred JA5 : RM2,055.00) ; atau

5. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menyediakan :-

I) Maklumat dan pelan yang berkaitan untuk kegunaan perancangan dan koordinasi pembangunan infrastruktur dan utiliti serta pengangkutan / sistem trafik di kawasan PBT.

II) Memberikan ulasan teknikal bagi permohonan kebenaran merancang pendirian bangunan, pindaan pendirian bangunan, kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi kawasan PBT.

(III) Menyediakan pelan dan laporan lawatan tapak bagi permohonan membina struktur menara telekomunikasi dan permohonan cadangan untuk memasang struktur telekomunikasi atas bangunan oleh pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan menyediakan pelan bagi pegawai kawasan.

IV) Bertanggungjawab terhadap penyelarasan bajet berhubung dengan pengurusan projek, promosi pemasaran hartanah, pembangunan dan bajet mengurus. Pembangunan pangkalan data GIS untuk data-data perancangan serta pengumpulan maklumat-maklumat kemajuan perancangan dan pembangunan bandar.

B. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN :

(i) Permohonan hendaklah :-

a. Menggunakan borang yang boleh didapati di pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskhah atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my

b. Borang permohonan beserta dokumen berkaitan hendaklah dimuatnaik melalui pautan dan QR sebagaimana di bawah :-



<https://forms.gle/ivoJRwaztiZ4p8X36>

Pembayaran cas pemprosesan juga boleh dibuat melalui Jompay biller code : 358424

(ii) Permohonan mestilah disertakan dengan:-

a)Sekeping gambar (ukuran pasport) terkini (dilekatkan pada borang permohonan jawatan kosong) ;

b) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir pemohon ;

c) Salinan Sijil-sijil Persekolahan dan kelulusan Akademik ;

d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah ;

e) Salinan Lesen Memandu (jika berkaitan) ;

f) Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan ;

g) Salinan semakan dan pengesahan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif MQA atau MQR <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah) ; dan

Semua salinan dokumen-dokuman yang dinyatakan di atas perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred 9.

- (iii) Permohonan dari calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) yang perlu dibawa semasa temuduga.
- (iv) Hanya calon yang layak untuk temuduga selepas lulus tapisan atau ujian-ujian kecergasan dan peperiksaan (jika berkaitan) sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
- (v) Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi (secara dalam talian)

C. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK

- (i) Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak ditandatangani.
- (ii) Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
- (iii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.
- (iv) Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
- (v) Permohonan tidak memenuhi/tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.
- (vi) Tidak menyertakan gambar berukuran pasport berwarna.

PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi
Jalan Padang, 81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

(U.P. Bahagian Sumber Manusia)

Bil. Fail Rujukan : MDKT/02/01/02-07 Jld. 2

No. Talian Telefon : 07- 8740417

Sebelum atau pada : **24 Ogos 2026 (Isnin)**

Bertarikh : 10 Ogos 2026